

NParks kaji faedah kesihatan kehijauan



POKOK WARISAN: Pengekalan pokok Tembusu di Kebun Bunga berusia lebih 150 tahun diharap dapat kesan positif bagi menggalakkan kesejahteraan fizikal dan mental. – Foto fail

LEMBAGA Taman Negara (NParks) sedang menjalankan dua kajian untuk lebih memahami faedah kehijauan, kata Menteri Pembangunan Negara, Encik Khaw Boon Wan.

Menulis di blognya semalam, Encik Khaw berkata kajian itu dilakukan dengan kerjasama Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Hospital Khoo Teck Puat (KTPH).

Satu daripada kajian itu adalah mengenai preskripsi taman. Ia akan meninjau kesan positif aktiviti fizikal di taman dengan penyelidikan klinikal.

Kajian kedua adalah berkenaan terapi hortikultur. Ia akan mengkaji kesan taman dan berkebun terhadap kesihatan mental warga tua.

Encik Khaw juga berkata NParks mempunyai matlamat memastikan 80 peratus rumah di Singapura berada dalam lingkungan 10 minit berjalan kaki dari taman.

Kadar ini akan dinaikkan kepada 90 peratus pada 2030.

Ini, menurut Encik Khaw, sejajar dengan naluri ramai orang yang tinggal di kawasan hijau bagi menggalakkan kesejahteraan fizikal dan mental.

“(Perdana Menteri Pengasas) Encik Lee Kuan Yew menghijaukan Singapura kerana beliau yakin sepenuhnya bahawa ‘landskap bandar rosak, hutan konkrit memusnahkan semangat manusia’. Kita perlu kehijauan alam semula jadi untuk menaikkan semangat kita,” ujar Encik Khaw.